



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
10 MAC 2019 (AHAD)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|--|----|
| - Kompleks sukan di padang Taman Kosas? | 21 |
| - KPKT utamakan wanita | 21 |
| - JPKRT Zon Ampang bantu polis melalui SRS | 21 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 10 MAC 2019 (AHAD)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Kompleks sukan di padang Taman Kosas?
Muka Surat	21

**Kompleks sukan di padang
Taman Kosas?** *SH 10/3/19
M/S 21*

AMPANG – Hasrat komuniti DUN Lembah Jaya untuk menikmati fasiliti riadah dan sukan bakal tercapai apabila ADUN Lembah Jaya, Haniza Mohamed Talha berhasrat mahu mewujudkan kompleks sukan, baru-baru ini.

Haniza berkata, tapak sebelah padang Taman Kosas mungkin boleh memuatkan kompleks sukan untuk DUN Lembah Jaya.

“Padang tersebut satu-satunya padang yang agak besar keluasannya dalam DUN Lembah Jaya. Keperluan untuk kemudahan sukan dan rekreasi masih perlu dipenuhi.

“Cadangan menyediakan kemudahan sukan ini disambut baik oleh belia khususnya. Ia sudah tentu akan memberi pilihan kepada orang ramai untuk bersukan,” katanya melalui laman sosialnya.



HANIZA

Terdahulu Haniza memaklumkan sukan juga berperanan sebagai platform untuk masyarakat menjalinkan hubungan silaturahim.

“Kita perlu meneruskan program sukan bukan sahaja sebagai gaya hidup sihat, tetapi turut membentuk suasana harmoni dan sejahtera,” katanya.



Kompleks sukan untuk DUN Lembah Jaya mungkin dibina di padang ini.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 10 MAC 2019 (AHAD)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	KPKT utamakan wanita
Muka Surat	21

KPKT utamakan wanita

SH · 10/3/19
M/S 21

*Ambil pendekatan
inklusif gender
dalam setiap dasar
dan polisi*

AHMAD ISMADI ISMAIL

AMPANG

Wanita memainkan peranan penting dalam pembangunan sejagat.

Menteri Perumahan & Kerajaan Tempatan Malaysia, Zuraida Kamaruddin berkata, golongan itu mampu menjadi penggerak kepada kemajuan ekonomi, budaya, sosial.

"Pembangunan yang mampan dan lestari bukan hanya kepada pembangunan fizikal, tetapi melibatkan komuniti dan pertumbuhan ekonomi.

"Pelaksanaan proses pembangunan harus dilakukan tanpa kemudaratan agar dapat dinikmati oleh generasi hari ini dan masa hadapan," katanya.

Zuraida berkata, pendekatan inklusif gender diambil dalam setiap dasar dan polisi yang digubal kementeriannya.

"Kita akan terus memastikan wanita mendapat tempat dalam segala hal berkaitan pembangunan, terutamanya dari sudut peningkatan taraf hidup," katanya dalam satu kenyataan sempena Hari Wanita.

Menurutnya, elemen penyer-



Zuraida menghadiri lawatan dan mendengar taklimat berkenaan pembangunan perumahan mampan Type D3.

taan dan keterlibatan wanita telah dizahirkan dalam tiga dasar utama yang dilaksanakan oleh kementerian ini, iaitu Dasar Komuniti Negara, Dasar Perumahan Negara 2019 dan Dasar Perumahan Mampu Milik Negara.

Zuraida yang juga Ahli Parlimen Ampang mahu wanita perlu diberikan tempat dalam pentadbiran kerajaan tempatan agar setiap dasar, polisi dan keputusan yang dibuat oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menjadi lebih inklusif dan peka terhadap kehendak setiap golongan masyarakat.

"Keupayaan sesebuah negara untuk mencapai sasaran dalam Matlamat Pembangunan Mampan memerlukan keterlibatan semua pihak yang mana golongan wanita merupakan pemegang taruh penting dalam menjayakan agenda yang telah

info

Tiga dasar utama yang dilaksanakan iaitu Dasar Komuniti Negara, Dasar Perumahan Negara 2019 dan Dasar Perumahan Mampu Milik Negara

ditetapkan ini," katanya.

Beliau berkata, pihaknya berharap sambutan Hari Wanita Sedunia 2019 ada perubahan positif dalam mengangkat maratabat wanita di seluruh negara, terutama dalam pembangunan komuniti dan infrastruktur yang lebih holistik dan inklusif.

"Semoga perancangan dan pelaksanaan membabitkan wanita akan memperoleh lebih banyak ruang untuk terlibat dalam pembangunan Negara," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 10 MAC 2019 (AHAD)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	JPKRT Zon Ampang bantu polis melalui SRS
Muka Surat	21

SH 10/3/19 Ms 21

JPKRT Zon Ampang bantu polis melalui SRS

AMPANG – Penglibatan penduduk dalam Skim Rondaan Sukarela (SRS) di kawasan perumahan dapat membantu polis dalam usaha mencegah jenayah.

Pengerusi Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tertangga (JPKRT) Zon Ampang, Mohd Dahan Shamsudin berkata, anggota SRS kini boleh dilihat sebagai mata dan telinga polis.

"Penubuhan SRS melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPIN) antara usaha terbaik yang mampu mengurangkan kadar jenayah di kediaman penduduk," katanya.

Menurutnya, ahli KRT yang terlibat dalam SRS bertugas secara sukarela membantu polis menerusi rondaan yang dilakukan.

"SRS secara tidak langsung dapat mengeratkan perpaduan serta toleransi dalam kalangan penduduk setempat," katanya pada Mesyuarat Urusetia dan Jawatankuasa Program Pendidikan Keselamatan dan Ronda SRS JPKRT Zon Ampang yang dijadualkan berlangsung 16 Mac ini.

ADUN Lembah Jaya yang juga Exco Perumahan dan Kehidupan Bandar, Haniza Talha dijangka merasmikan program berkenaan.

Mohd Dahan berkata, program tersebut juga melibatkan gabungan tiga KRT iaitu Taman Sri Watan, Taman Kesuma/Bukit Ampang dan Taman Halaman yang akan melakukan rondaan bersepadu dengan PDRM.

"Kita mahu menghidupkan kembali suasana yang penuh harmoni di antara masyarakat dan anggota polis," katanya.

Beliau memberitahu, pihaknya mengangarkan seramai 200 penduduk akan terlibat dalam program yang bermula pada jam 8 malam.

Hadir sama Penolong Pegawai Perpaduan Daerah Hulu Langat, Ahmad Rizal Abdul Razak dan Ketua Kampung Sri Taman Baru, Abdull Aziz Abdull Ghani.

Katanya, masyarakat juga dapat mendengar taklimat pengisian program daripada anggota polis berkaitan tugas dan standard operasi prosedur (SOP) yang telah diperuntukkan kepada peronda SRS.



Ahmad Rizal mempengerusikan mesyuarat Urusetia dan Jawatankuasa Program Pendidikan Keselamatan dan Ronda SRS JPKRT Zon Ampang.